

PAMERAN FOOD AND HOTEL ASIA 2008

Rancang edar makanan Turkey di pasar raya

NTUC FairPrice dan Mustafa Centre antara sasaran

Oleh SURYANI OMAR
suomar@sph.com.sg

ORANG ramai yang gemar makanan Turkey mungkin boleh mendapatkan barangan makanan dari Turkey di pasar raya setempat tidak lama lagi.

Sebuah syarikat setempat milik warga Turkey, Bosphorous Pte Ltd, sedang berusaha mengedarkan barangan makanan dari Turkey seperti daging yang telah diproses, buah zaitun dan keju di pasar raya setempat.

Bosphorous Pte Ltd merupakan syarikat yang memiliki restoran makanan Turkey, Anatolia, di Far East Plaza dan juga aiskrim Turkey, D Mado.

Ia ditubuhkan di sini sekitar 10 tahun lalu. Ia juga memiliki restoran Pinhan di Istanbul, Turkey.

Pengarah Urusan yang juga pemilik Bosphorous, Encik Ugur Bayhan, berkata pihaknya menyedari bahawa tidak terdapat barangan makanan Turkey di pasar raya setempat.

"Kami berharap mendapatkan pasar raya seperti NTUC FairPrice dan Mustafa Centre supaya menjual barangan yang ingin kami edarkan nanti.

"Makanan dari Turkey yang kami ingin edarkan adalah halal dan bermetu," kata Encik Ugur ketika ditemui di Pavilion Halal, Pameran Food And Hotel Asia (FHA) 2008 di Singapore Expo.

Baru-baru ini, Bosphorous telah melancarkan kebab siap segera dipanggil Topkapi Kebab.

Ia dihasilkan di Singapura. Topkapi Kebab dibekalkan kepada restoran yang ingin menjual kebab, dan kepada pasar raya.

"Pelanggan tidak perlu ke restoran untuk membeli kebab. Topkapi Kebab yang kami ingin jual di pasar raya adalah daging kebab yang siap dipotong dan dibekukan.

"Pembeli hanya perlu memanas-



FOTO: TAUFIK A. KADER

INGIN LUASKAN PERNIAGAAN: Pengarah Urusan Bosphorous Pte Ltd, Encik Ugur Bayhan, dan Pengurus Penjualan Bosphorous, Cik Nazarene Amin, bersama produk makanan dari Turkey yang ingin diedarkan ke pasar raya setempat.

kan untuk makan," kata Encik Ugur.

Bosphorous semalam menandatangani perjanjian persefahaman dua hala dengan HalMart, yang dibawa oleh Glohex Consulting Group di Forum Dagangan Halal sempena FHA

2008.

Dengan adanya perjanjian tersebut, Bosphorous akan mengedarkan barangan halal dari Malaysia yang dibekalkan menerusi HalMart di Turkey.

Cara pilih alamat laman niaga

SEJAK tip pertama diterbitkan dulu, ramai di antara anda telah memberikan maklum balas dan mengemukakan soalan. Ini amat saya alu-alukan.

Ini satu tanda yang positif dan memberikan saya lebih dorongan untuk mengongsi ilmu Internet bersama anda.

Saya telah memilih satu soalan yang dihantarkan melalui e-mel oleh saudara Mohamed.

Soalan: Saya ingin tahu, jika kami berminat untuk berniaga melalui Internet, haruskah perniagaan itu didaftarkan dengan Penguasa Pengawasan Korporat dan Perakaunan (Acra)?

Jawapan: Pendaftaran dengan Acra mungkin tidak wajib, tetapi amat disyorkan.

Terdapat beberapa khidmat di Internet yang ditawarkan khas untuk syarikat atau perniagaan terdaftar.

Sekiranya anda berniaga sebagai individu, anda mungkin tidak layak untuk menggunakan khidmat tersebut atau hanya diberi khidmat yang terbatas.

Pada sesi yang lalu, anda telah dimaklumkan bahawa mendapatkan alamat laman web itu penting untuk perniagaan anda.

Kini, mari kita bincangkan dengan lebih lanjut, bagaimana caranya memilih alamat laman web yang sesuai untuk perniagaan anda.

► Jenama

Apabila anda mula merancang perniagaan anda, pastinya anda memberikan perniagaan anda itu satu jenama.

Jadi, alamat laman web anda sebaik-baiknya adalah jenama anda.

Misalnya, jika nama perniagaan anda 'Enchantique', alamat laman web paling sesuai ialah Enchantique.com.

Ini disebabkan sekiranya pelanggan sedang mencari maklumat mengenai sesuatu produk, seringkali mereka lebih mudah ingat jenama anda.

Secara semula jadi juga, mereka akan membuat anggapan bahawa alamat laman web anda adalah jenama anda sendiri.

► Mudah diingat

Untuk memudahkan lagi pelanggan menjumpai perniagaan anda di Internet, alamat laman web anda haruslah mudah diingat. Alamat yang terlalu panjang akan merunsingkan pelanggan.

Contoh alamat yang terlalu panjang ialah kucingberlari-dikolongbloksebelah.com.

Oleh kerana alamat itu terlalu panjang, pelanggan anda akan mudah lupa, dan anda pula akan terlepas berpeluang untuk mempromosikan perniagaan anda.

Alamat yang lebih sesuai untuk contoh ini ialah kucingberlari.com.

► Mudah dieja

Seringkali, apabila memikirkan tentang nama perniagaan, anda akan cuba meng-

alamat laman web, tetapi telah memberi pesaing anda cara mudah mendahului pertandingan menarik pelanggan.

► Tanda Baca/Angka

Mengikuti ciri ketiga yang baru kita bincangkan, anda mungkin memikirkan bahawa lebih mudah bagi pelanggan anda mengeja alamat laman web anda jika anda menggunakan tanda baca seperti berikut – beras-super.com.

Malangnya, ramai pengguna Internet akan lupa sama ada alamat laman web anda mengandungi tanda sempang atau tidak.

Terdapat satu lagi cara yang ramai gemar gunakan apabila ingin mencipta jenama yang unik, iaitu menggunakan angka sebagai pengganti abjad.

Sebagai contoh, jenama "Beras Super" dieja "Beras 5uper" dan alamat laman web bertukar menjadi beras5uper.com.

Mungkin dengan cara ini anda dapat mengurangkan ejaan yang salah, tetapi cuba anda lafazkan alamat laman web ini. Lebih unik atau lebih merunsingkan?

► Penghujung

Pilihan nama dan alamat laman web yang sesuai boleh memberi manfaat yang besar dalam membina jenama yang dikenali ramai.

Bagi alamat laman web pula, anda juga patut memilih penghujung yang sesuai.

Kebanyakan laman web berakhir dengan .com, tetapi terdapat juga pilihan lain seperti .net, .org dan .biz.

Jika perniagaan anda terdaftar dengan Acra, anda juga layak menggunakan akhiran .com.sg, .sg dan .net.sg.

Akhir kata, dapatkan alamat laman web pilihan anda sebelum atau pada masa yang sama anda mula menggunakan jenama anda.

Dengan alamat laman web dan jenama yang sepadan, perniagaan anda lebih mudah dipasarkan dan dikenali oleh pelanggan-pelanggan anda.

Lebih penting lagi, pelanggan anda akan berasa lebih selesa dan yakin jika anda menggunakan jenama yang konsisten.



TIP BISNES INTERNET
NURSHAHEED BORHAN
Konsultan Niaga Internet Anda
shaheed@tipbisnesinternet.com

gunakan daya cipta anda sebaik mungkin.

Secara tidak langsung, anda mungkin juga membuat nama perniagaan anda itu sungguh unik hinggalah ia bukan sahaja susah diingat, malah susah dieja.

Cuba anda fikirkan tentang contoh alamat laman web ini – berassuper.com.

Oleh kerana terdapat abjad yang sama di antara dua perkataan, para pengguna Internet yang mungkin dapat ingat jenama Beras Super akan tersalah eja alamat laman web jenama itu dan sebaliknya melungsurikan laman web di berasuper.com.

Kini, bayangkan anda pemilik Beras Super dan pesaing anda menggunakan alamat laman web berasuper.com. Anda bukan saja rugi kerana pelanggan anda tersilap